

Client: Exabytes Network
Publication: The Skop
Format: Online
Subject: Laman e-dagang gergasi Korea 11 street kini di Malaysia
<http://theskop.com/2015/02/laman-e-dagang-gergasi-korea-11street-kini-di-malaysia/>

Date: 5 February 2015



Laman e-dagang gergasi Korea, 11street kini di Malaysia

By *admin* on February 5, 2015



The screenshot shows the homepage of the 11street online shopping mall. At the top left is the 11street logo with the tagline "11STREET THE BEST SHOPPING STREET!". To the right are links for "Seller Zone" and "Login & Sell Now!". Below this is a navigation menu with "HOME", "ABOUT US", "WHY 11STREET?", "NEW SELLER BENEFITS", and "CONTACT US". The main content area features a large graphic of a computer monitor displaying various shopping icons (clothing, food, electronics, etc.) and a shopping cart. To the right of the graphic, the text reads: "A Brand New Online Shopping Mall Is coming to you in April 2015. Enjoy a new and exciting online shopping experience with 11street!". Below this is a call-to-action button that says "Sign up as a seller now and Get exclusive benefits" with a "GO" button. At the bottom, there are links for "Not a member yet?" and "Already a member?". The footer contains contact information: "Contact Information 03 2719 1111 | hello@11street.my" and "Copyright © 2015 Celcom Planet Sdn. Bhd., a joint venture between Celcom Axiata Bhd. and SK Planet Ltd. All Rights Reserved." Logos for "celcom" and "SK planet" are also present.

Portal beli-belah hasil kerjasama gergasi e-dagang di Korea, SK Planet dan Celcom Axiata, mengumumkan 11street versi Malaysia (www.11street.my) kini telah dibuka untuk pendaftaran penjual. Kerjasama di antara kedua pihak dan juga penyedia hosting Exabytes **telah diumumkan** pada bulan Disember tahun lepas.

Ditubuhkan di Korea sejak tahun 2008, 11street adalah salah satu peneraju e-dagang dunia global dengan bisnes di Turki dan Indonesia. Setakat ini, 11street mempunyai 22 juta penjual dan lebih 40 juta pengguna di seluruh dunia, dengan nilai dagangan tahunan kasar sebanyak USD6 bilion (RM19.8 bilion).



CEO 11street Malaysia – Hoseok Kim

CEO 11street di Malaysia, **Hoseok Kim** berkata, 11street versi Malaysia telah dijadual untuk pelancaran rasmi kepada pembeli pada bulan April 2015. Ia akan menjadi tempat e-dagang di Malaysia yang menggalakkan bukan sahaja produk fizikal tetapi juga tawaran khas istimewa seperti e-baucar, untuk memberi pembeli pengalaman membeli-belah dalam talian yang lebih menarik untuk pembeli.

11street bersedia untuk melabur dalam usaha untuk menggalakkan penjual Malaysia, terutama peniaga yang tidak memiliki perniagaan dalam talian, untuk menyertai 11street. Lebih daripada RM35 juta (USD10 juta) akan dilaburkan tahun ini dalam pelbagai program pembangunan penjual, pemasaran dan promosi untuk membantu penjual tempatan berdaftar dengan 11street. Pada masa yang sama, ia adalah untuk menarik pembeli melawat 11street untuk mempercepatkan jangkauan penjual dalam talian di 11street kepada pengguna. 11street mensasarkan sekurang-kurangnya 11,000 penjual berdaftar di lama e-dagang mereka pada tahun 2015.



Hoseok menambah, 11street berbeza dengan laman web e-dagang yang lain, kerana 11street mempunyai model e-dagang hibrid dimana ekosistemnya menyokong semua jenis penjual, termasuk penjual individu, e-usahawan, peruncit, peneraju perkhidmatan dan industri bersaiz kecil dan sederhana (IKS). 11street mempunyai ciri merchandizing dalam talian yang unik dan canggih, yang menyokong set-up perniagaan online yang sempurna. 'Zon Penjual' adalah pusat pendidikan e-dagang dan kemudahan sokongan yang pertama di Malaysia untuk menyokong peniaga e-dagang, di mana seminar e-dagang dan bengkel akan diberikan secara tetap. 'Zon Penjual' adalah antara pelaburan 11street yang paling signifikan untuk mengembangkan sektor e-dagang Malaysia.

Bagi urusan mudahalih, 11street menawarkan aplikasi bersepadu mobiliti untuk membantu penjual menguruskan stok, program pemasaran produk dan pembayaran serta menawarkan keupayaan analisis untuk membantu penjual mengekalkan pelanggan dengan pengalaman membeli-belah dalam talian yang lebih baik.

NEW SELLER BENEFITS

Seller Credit
Free 110 Credit x 3 months (1 Credit = RM 1)

Free Listing Ad Coupons
7 days coupon x 30 units

Transaction Fee Discount
50% OFF | Sellers registered by March

[SIGN UP NOW](#)

Special Benefits

- RM 110 Petrol Voucher : Every 11th, 111th, 211th...1,111th seller
- 2 x GSC movie Voucher : First 300 sellers
- 110 Credit : Top 11 sellers with most listings before 30 Apr

[MORE INFO](#)

NEWS CLIPPING



Bagi promosi awal pembukaan 11street, penjual yang berdaftar sebelum April 2015 akan menerima manfaat komersial eksklusif seperti yuran kedai percuma, 50 peratus diskaun ke atas yuran transaksi, penggunaan kemudahan Zon Penjual yang percuma, kredit promosi dan kupon penyenaian produk. Faedah menarik lain termasuk kredit membeli-belah 11street, baucar petrol dan baucer filem juga ditawarkan kepada penjual baru, sebagai tambahan bagi manfaat yang dinyatakan sebelum ini.

Bagi penjual dan peniaga yang berminat berdaftar dengan lamanweb e-dagang 11street ini, sila layari <http://www.11street.my> untuk maklumat lanjut.